

25 APR 1999

Sabbaruddin-Simpanan

JANGAN PERCAYA BERITA DI INTERNET, KATA SABBARUDDIN

TEMERLOH, 25 April (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini meminta orang ramai dan anggota-anggota Umno supaya tidak terpengaruh dengan berita-berita yang disebarikan melalui Internet kononnya pemimpin-pemimpin Umno mempunyai banyak simpanan wang di luar negara.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Larian Berganti-ganti peringkat kebangsaan Mentakab-Temerloh kali kelapan di sini, Sabbaruddin berkata beliau sendiri tidak terkecuali daripada berita palsu itu yang mengatakan simpanannya di luar negara berjumlah US\$8.5 juta.

"Kalau benar saya ada wang sebanyak itu, saya akan dermakannya kepada orang yang menulis berita berkenaan," katanya secara berseloroh.

Perbuatan menyebarkan berita-berita palsu sedemikian merupakan kerja golongan tertentu yang cuba memburuk-burukkan Umno dan kepimpinannya, kata Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Mengenai perbuatan menyimpan wang di luar negara, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah bertanyakan perkara itu kepada anggota-anggota Kabinet bagi memastikan mereka tidak menyimpan wang di luar negara.

Semasa ditanya tentang bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib yang bercuti daripada jawatannya sebagai Naib Presiden Umno, Sabbaruddin berkata kedudukan Muhammad akan diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 3 Mei ini.

Dalam ucapannya, Sabbaruddin berharap badan-badan sukan di negara ini yang mengajurkan pelbagai acara sukan agar mempelawa atlit-atlit dari negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi memeriahkan sambutan acara berkenaan.

Seramai 3,000 peserta yang mewakili 332 pasukan dari seluruh negara mengambil bahagian dalam sukan lari berganti-ganti sejauh 10km itu.

-- BERNAMA

ZY PR